

Lebih 260 Premis Perniagaan Layak Dapat Anugerah Kedai Harga Patut - Najib Bernama
10 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP) merupakan satu lagi usaha kerajaan bagi memberi pilihan kepada rakyat membeli barangan keperluan pada harga murah dan berpatutan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata setakat ini sebanyak 269 premis di seluruh negara dikenal pasti layak menerima AKHP 2014 dengan 114 daripadanya melibatkan premis bagi kategori barangan pengguna.

"96 lagi premis adalah untuk kategori pasar raya, manakala 59 bagi kategori makanan.

"Premis yang terpilih ini menawarkan barangan pada harga yang berpatutan dan berdaya saing setanding dengan kualiti barangan yang ditawarkan," katanya ketika berucap melancarkan Anugerah Kedai Harga Patut 2014 di sebuah pasar raya di Jalan Kuchai Lama di sini, Isnin.

Najib berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bertanggungjawab dalam menilai setiap premis yang berminat untuk menyertai AKHP bagi memastikan ia benar-benar memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Tumpuan diberi kepada barangan keperluan harian pengguna yang merangkumi lapan kategori perniagaan iaitu pasar basah, kedai runcit, pasar mini, pasar raya, pasar raya besar, kedai serbaneka, kedai makan/restoran dan gerai makan.

Najib berkata premis yang berminat untuk menyertai anugerah itu boleh membuat permohonan menerusi laman web www.1pengguna.com mulai hari ini sehingga 14 April depan.

Perdana Menteri berkata dengan adanya AKHP pengguna kini tidak mempunyai alasan untuk terus mengeluh dengan kenaikan harga barangan kerana mereka mempunyai pilihan tempat untuk berbelanja.

"Jangan mengeluh (harga) barang naik...barang baik sebab ada pilihan. Saya percaya kalau kita boleh pilih premis mana yang nak pergi maka kita boleh dapat barangan keperluan pada harga yang berpatutan," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian apabila berkata rakyat kini semakin selesa dengan pelbagai langkah kerajaan dalam menangani kenaikan kos sara hidup termasuk kempen pengurangan harga barang.

"Kerajaan mahu pastikan kenaikan harga barang dapat dibendung dan rakyat dapat menikmati pulangan pendapatan selain mempunyai purchasing power yang lebih," katanya.

Pada majlis tersebut Najib turut meluangkan masa meninjau harga barangan di NSK Trade City dan mengesahkan harga di pasar raya berkenaan adalah murah serta berpatutan.

"Saya sendiri telah beli seekor ayam yang dijual pada harga RM1 seekor...(ulang)...RM1 seekor, yang mana kebiasaan ia dijual pada harga RM6.60 sekilogram tapi terhad kepada 1,000 ekor sahaja hari ini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020838>